

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-48

BURSA MALAYSIA BERHAD

No. Pendaftaran 197601004668 (30632-P)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-48 Bursa Malaysia Berhad ("Syarikat") akan diadakan pada hari Khamis, 27 Mac 2025 pada jam 10.00 pagi di Aras Bawah, Bangunan Annexe, Bursa Malaysia Berhad, Exchange Square, Bukit Kewangan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia ("Lokasi Utama") dan secara maya melalui laman sesawang TIH Online di <https://tjih.online> ("Platform Dalam Talian") untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

- Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.
- Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat dan kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:-
 - Datuk Bazlan bin Osman **Resolusi 1**
 - Tan Sri Abdul Farid bin Alias **Resolusi 2**
- Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara mengikut Artikel 18.11 Perlembagaan Syarikat dan kerana layak menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:-
 - Puan Sharifatu Laila binti Syed Ali; **Resolusi 3**
 - Encik Redza Goh Abdullah @ Goh Aik Meng and **Resolusi 4**
 - Dato' Fad'l bin Mohamed **Resolusi 5**
- Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah berjumlah RM300,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. **Resolusi 6**
- Untuk meluluskan pembayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sehingga RM2,400,000 bermula 28 Mac 2025 hingga AGM Syarikat tahun yang berikutnya. **Resolusi 7**
- Untuk melantik Tetuan Ernst & Young PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 8**
- Untuk melaksanakan urusan-urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri AGM ke-48 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 15.9 Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung bertarikh 20 Mac 2025. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit bertarikh 20 Mac 2025 sahaja yang layak untuk menghadiri mesyuarat ini atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md Hashim (LS 0006674) SSM PC No. 202008003707

Izreen Fara binti Ismail (MAICSA 7056436) SSM PC No. 202008002411

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

26 Februari 2025